



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM telah menganjurkan Program Library Outreach@PTAR bersama Majlis Perwakilan Pelajar dan Sekretariat Mahasiswa Fakultas UiTM secara atas talian pada 20 September 2021 jam 2.30 petang hingga 5.00 petang melalui Google Meet. Program Library Outreach@PTAR ini dianjurkan adalah untuk mengeratkan perhubungan antara PTAR dengan MPP, SMF & pelajar UiTM, berkongsi maklumat mengenai perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan dan ingin mendapatkan maklumbalas MPP & SMF bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan. Terdapat 5 komponen utama Library Outreach@PTAR iaitu Intellectual Discourse, kunjungan hormat ke pejabat Dekan/Pengarah, konsultasi perkhidmatan perpustakaan, pameran dan aktiviti Read@UiTM.

Program dimulakan dengan kata alu-aluan dan penerangan Library Outreach yang disampaikan oleh Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Timbalan Ketua Pustakawan dari Bahagian Komunikasi Korporat. Seterusnya, diikuti penerangan daripada Puan Siti Salwa A Rahman, Pustakawan Kanan berkenaan dengan Perkhidmatan Pelanggan di Perpustakaan. Di samping itu, program diteruskan dengan penerangan daripada Encik Muhammad Zaidie Bardan, Pustakawan Kanan tentang Perkhidmatan Rujukan, Pembelajaran dan Penyelidikan. Berikutnya, diikuti pula penerangan daripada Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar, Pustakawan Kanan berkenaan dengan Perpustakaan Digital dan yang terakhir penerangan tentang Perkhidmatan Arkib Universiti daripada Encik Abdul Razak Abdul Rahman, Pustakawan Kanan.